

06 APR 1999

Abdullah-Khabar

JANGAN PERCAYA KHABAR ANGIN MENGENAI PM, KATA PAK LAH

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta semua pihak supaya tidak mempercayai pelbagai khabar angin mengenai kesihatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana keadaan beliau stabil dan baik.

"Keadaan beliau sekarang ini, sebagaimana yang doktor beritahu semasa saya melawat beliau tengah hari tadi adalah stabil dan beliau masih berehat di hospital. Diharapkan beliau dapat pulih semula, segar semula dan dapat meneruskan tugasnya," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap mewakili Perdana Menteri pada perasmian Pameran Jahitan Lelaki anjuran Spark Manshop Sdn Bhd sempena ulang tahun ke 21 syarikat itu di sini.

Abdullah berharap tidak ada lagi khabar angin dibuat mengenai kesihatan Dr Mahathir, yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) Jumaat lepas kerana menghidap bronkitis.

"Beliau sedang berehat dan sebenarnya kita mahu beliau berehat dan mendapat rawatan yang baik.

"Mudah-mudahan beliau akan sihat semula untuk terus bekerja dan memimpin negara ini," kata Abdullah sambil meminta semua pihak mendoakan supaya Dr Mahathir cepat sembuh.

Beliau berkata Dr Mahathir sememangnya ingin menghadiri majlis itu dan meminta maaf kerana tidak dapat berbuat demikian.

"Beliau meminta saya sampaikan salam kepada pihak pengurusan dan pekerja Spark Manshop dan mengucapkan tahniah kerana telah mencapai ulang tahun ke-21," katanya.

Pada majlis berkenaan, syarikat itu memberikan sumbangan RM450,000 kepada Yayasan AIDS Malaysia.

Antara yang hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud.

--BERNAMA

APG MAI